

Majlis Presiden tentukan status Dr M sebagai PM

Kuala Lumpur: Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) akan menentukan sama ada Tun Dr Mahathir Mohamad kekal sebagai Perdana Menteri sehingga akhir penggal atau sebaliknya.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata kenyataan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15), adalah pandangan peribadi dan tidak mewakili pendirian PH.

“Itu kenyataan peribadi (Mohamed Azmin). Keputusan ini (status Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri), dalam mana-mana sistem demokrasi berparlimen, adalah keputusan parti memerintah.

“Maknanya, saya serah kepada Majlis Presiden PH,” katanya kepada media di lobi Parlimen, semalam.

Beliau berkata demikian ketika

mengulas pendirian Mohamed Azmin menyokong Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sehingga habis penggal Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Pendirian Menteri Hal Ehwal Ekonomi itu bertentangan dengan konsensus PH membabitkan pertukaran Perdana Menteri kepada Anwar dalam tempoh penggal PRU-14, seperti dilaporkan sebelum ini.

Sebelum ini, Anwar dilaporkan membayangkan akan mengambil alih tampuk pentadbiran negara daripada Dr Mahathir sekitar ta-

hun depan, iaitu dua tahun selepas Pakatan Harapan (PH) menadbir.

Anwar turut dilaporkan berkata, wujud perjanjian bertulis menyatakan beliau akan mengambil alih jawatan Perdana Menteri daripada Dr Mahathir, yang diperseujui semua parti komponen PH dan dinyatakan kepada umum sebelum PRU-14.

Mengulas kenyataan Mohamed Azmin yang menyifatkan ada pihak mahu mengubah pentadbiran dalam tempoh satu atau dua tahun sebagai cuba menubuhkan kerajaan ‘pintu belakang’, Anwar berkata: “Pintu belakang itu pendapat dialah.”

Anwar berkata, Mohamed Azmin tidak pernah menyatakan pandangannya berhubung peralihan kuasa ketika mereka minum kopi bersama di lounge Parlimen minggu lalu.

Ditanya sama ada Ahli Parlimen Gombak itu wajar mengeluarkan kenyataan bercanggah



Anwar ditemui media di lobi Parlimen, semalam.

(Foto BERNAMA)

dengan konsensus PH kepada umum, Anwar berkata: “Tak apalah, kita faham latar belakang (Mohamed Azmin).”

Sementara itu, Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH), Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata pihaknya kekal berpegang pada konsensus PH iaitu Anwar menjadi Perdana Menteri selepas Dr Mahathir dalam penggal ini.

“AMANAH sebahagian daripada PH dan perjanjian waktu itu ialah Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri ketujuh dan Anwar Perdana Menteri kelapan.

“Dari segi tempoh (peralihan kuasa) pula terpulang pada kebijaksanaan Majlis Presiden PH untuk berbincang dan memutuskan secara konsensus atas semangat PH,” katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.